

Boleh buat aduan projek kerajaan melalui WhatsApp

MUKAH: Masyarakat awam dan komuniti boleh membuat aduan ke atas pelaksanaan projek kerajaan yang dijalankan.

Menurut Timbalan Menteri Integriti dan Ombudsman Datuk Dr Juanda Jaya, saluran yang boleh digunakan termasuk surat, e-mel, WhatsApp dan sebagainya.

“Kerajaan Sarawak melalui Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) telah membuka ruang seluas-luasnya kepada masyarakat umum untuk memberi pandangan konstruktif tentang mutu penyampaian Perkhidmatan Awam Sarawak,” katanya.

Malah projek perintis Community Integrity Building (CIB) telah dilaksanakan untuk memantau perkhidmatan yang disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT).

CIB merupakan usaha

sama UNIONS, Institut Integriti Malaysia (IIM), Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG), Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Daro.

Laporan keberkesanan CIB katanya, juga akan dikemukakan kepada Kerajaan Sarawak pada 2 Disember nanti.

Sekiranya ia menunjukkan hasil yang memberangsangkan, CIB mungkin dilaksanakan di semua PBT seluruh Sarawak.

Melalui usaha-usaha ini, Kerajaan Sarawak melalui UNIONS memang menggalakkan penglibatan awam dalam memantau pelaksanaan projek kerajaan.

Malah penyaluran aduan sangat dialu-alukan melalui apa juga cara yang dapat dilayani oleh pihak UNIONS.